

**Shaharir Mohamad Zain: Pemerksaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Pengungkapan Ilmu**

*Shaharir Mohamad Zain: Enhancing the position of Malay as an Instrument of Knowledge Dissemination and Epistemic Articulation*

**Mohd Tarmizi Hasrah**  
[h.tarmizi@uum.edu.my](mailto:h.tarmizi@uum.edu.my)

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia,  
Sintok, 06010 Bukit Kayu Hitam, Kedah, Malaysia

**Published:** 15 Ogos 2023

**To cite this article (APA):** Hasrah, M. T. (2023). Shaharir Mohamad Zain: Pemerksaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Pengungkapan Ilmu: Shaharir Mohamad Zain: Enhancing the position of Malay as an Instrument of Knowledge Dissemination and Epistemic Articulation. *PENDETA*, 14(2), 26–41. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.3.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.3.2023>

## **ABSTRAK**

Hanya sebahagian kecil ilmuwan yang sanggup melangkah tembok bidang kepakaran masing-masing bagi menikmati panorama rentas mahupun multi disiplin. Salah seorang yang sanggup melakukannya ialah Shaharir Mohamad Zain. Beliau yang mendapat pendidikan rasmi dalam bidang matematik dan fizik, kemudiannya menyerlahkan penguasaan dalam pelbagai bidang ilmu lain seperti bahasa, budaya, ekonomi, politik dan falsafah. Makalah ini bertujuan membincangkan pemikiran dan sumbangan Shaharir terhadap bahasa Melayu dengan fokus yang spesifik kepada pemerksaan bahasa ini sebagai bahasa ilmu dan bahasa pengungkapan ilmu. Bagi mencapainya, makalah ini berpedoman kepada perspektif grafisejarah menerusi konsep iklim idea (Koerner, 1989) khusus untuk menelusuri cetusan awal dan perkembangan pemikiran Shaharir tentang bahasa Melayu. Penyerlahan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi ilmu dilakukan menerusi telaah kritis terhadap karangan Shaharir, kemudiannya dipaparkan menurut tema-tema tertentu. Membincangkan pemikiran Shaharir sememangnya sangat penting khususnya sebagai pedoman kepada ilmuwan bahasa bagi membangunkan linguistik bahasa Melayu swaacuan.

**Kata kunci:** Shaharir; bahasa ilmu; bahasa komunikasi ilmu; pemeribumian ilmu; swaacuan

## **ABSTRACT**

*Only a small number of scholars are willing to step over the walls of their respective fields of expertise to enjoy cross- or multi-disciplinary outlook. One of them is Shaharir Mohamad Zain. He received formal education in mathematics and physics, then pursue his mastery in various fields of knowledge such as language, culture, economics, politics and philosophy. This paper aims to discuss Shaharir's thoughts and contributions to the Malay language. The discussions focus on the empowerment of the language as a language of knowledge and medium of knowledge expression. To this end, the analysis is guided by historiographical perspective which implements the climate of ideas (Koerner, 1989) specifically to trace the beginning and development of Shaharir's thoughts on the Malay language through a critical analysis of his published works. They were all presented and discussed in specific themes. Discussing Shaharir's thoughts is indeed very important, especially as a guide for Malay linguists to develop a Malay linguistics in our own terms.*

**Keywords:** *Shaharir; language of knowledge; knowledge expression; indigenious knowledge*

## PRAWACANA

Kita harus mengakui dengan jujur akan keberadaan suatu fakta: bahawa tidak ramai ilmuwan, lebih-lebih lagi ilmuwan yang berkhidmat di institusi pendidikan tinggi, berani dan yakin-diri menzhahirkan kesanggupan untuk melangkahi tembok besar yang melingkungi bidang kepakaran masing-masing. Akan tetapi, boleh dikatakan sangat ramai pula kalangan ilmuwan itu yang berasa selesa untuk sekadar berlegar-legar menikmati pemandangan yang ada dalam kawasan bidang kepakaran sendiri. Dengan kecenderungan seperti ini mereka memerhati, merenung dan berfikir, lantas berusaha dengan sedaya upaya menyembulkan sebarang ilmu yang menuruti petunjuk, cakupan serta tujuan ilmunya.

Dari satu sisi, keadaan semacam ini sudah barang tentunya tidak menjadi masalah besar. Hal ini demikian kerana pengkhususan sememangnya dilihat berupaya mempertajamkan kefahaman sendiri selain kefahaman anak didik tentang hakikat, tujuan, cakupan dan natijah sesuatu cabang ilmu. Maka, pengkhususan pun membolehkan para ilmuwan berkenaan memberi sumbangan bermakna terhadap ilmu yang mereka dakwa menjadi pakarnya itu. Namun begitu, jikalau dilihat dari sisi yang lain pula, yakni sisi yang lebih asasi, amalan yang sekadar hanya ingin berlegar-legar dalam perbatasan bidang ilmu yang menjadi kepakaran sendiri tentunya mengehadkan sumbangan kita.

Hakikatnya ialah penyeberangan untuk keluar daripada perbatasan tembok bidang ilmu yang menjadi kepakaran kita adalah suatu keperluan teoretis dan praktis. Maka, hal ini tentulah lebih mendesak terutama dalam dunia kesarjanaan masa kini yang sememangnya sangat mementingkan kelihan serta cerapan yang bersifat rentas disiplin atau multi disiplin atau entah segala macam “X disiplin” lagi, bukannya sekadar berhenti dengan pengkhususan yang sempit. Sememangnya suatu kebetulan pula bahawa ketika makalah ini ditulis, Perdana Menteri ke-10 kembali mempopularkan isu “*barbarism of specialisation*” hasil nukilan ahli falsafah Sepanyol, Ortega y Gasset, dalam beberapa ucapan beliau. Ungkapan ini secara khusus merujuk kepada pengkhususan sempit sebagai gasarisme (*barbarism*) yang harus dibuang jauh-jauh oleh kalangan ilmuwan dan cendekiawan. Hal ini demikian kerana gabungan disiplin ilmu sememangnya memiliki daya ke arah kemajuan dan penginovasiannya. Sedangkan pengkhususan pula membantutkan perkembangannya, atau menjadikan perkembangannya sekadar mundar-mandir di atas lapangan mendatar yang tidak berpenghujung.

Mujurlah ada juga kalangan ilmuwan itu yang berani mengangkat tukul besi bagi meruntuhkan tembok penghadang yang memenjarakan kegiatan keilmuan dengan zikir pengkhususan (gema metafora Nietzsche “berfalsafah dengan tukul” begitu jelas di sini). Hal ini dilakukan buat meninjau panorama yang tentunya lebih mengasyikkan, dan lebih menghairahkan, selain lebih mencabar akal, yang ada di luarnya. Ilmuwan yang dimaksudkan ialah Shaharir Mohamad Zain. Beliau ialah mantan profesor matematik fizik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan cendekiawan (bukan ‘cendakiawan’ seperti yang ditakrifkan oleh Raja Ali Haji dalam *Kitab Pengetahuan Bahasa* yang bermakna “orang yang suka memutar belit”) ulung negara kita.

Dalam kegiatan kesarjanaan beliau sejak 1970-an lagi, dan khususnya selepas 1977 yakni setelah perkenalan beliau dengan gagasan pengislaman ilmu, juga dalam dasawarsa 1990-an dan 2000-an ketika gema pemeribumian ilmu (istilah awalnya ialah pemelayuan ilmu dan pemalaysiaan ilmu) begitu kuat melaung, Shaharir sememangnya telah mencuba sedaya upaya untuk mencerap ilmu secara rentas disiplin. Hasil daripada usaha beliau ini sememangnya menatijahkan sesuatu yang sangat canggih, justeru berdaya mendorong kita ke arah penerokaan dan penerbitan semula unsur asasi yang menunjangi peradaban Melayu atau Malayonesia (atau Malayunesia jikalau menurut istilah yang dikemukakan oleh penyelidik berbangsa Inggeris, George Earl, yang cuba dihidupkan semula oleh Shaharir) yang terlupakan atau sengaja dilupakan oleh generasi masa kini.

## ILMUWAN BITARA

Maka, untuk lebih mengenal sosok ini, amat menarik jikalau kita bermula dengan mengingat kembali pernyataan Shaharir bagi menghargai sumbangan keilmuan dan aktivisme Pak Samad (Sasterawan Negara A. Samad Said) dalam mengangkat bahasa Melayu ke takah yang sepatutnya di negara ini. Pak Samad, menurut cerapan Shaharir (2015), ialah seorang pejuang bahasa Melayu yang bitara. Hal ini demikian kerana ketekalan, kesungguhan dan kejujuran beliau dalam mendepani segala rintangan

perjuangan bagi mendapatkan satu tujuan murni: meletakkan bahasa Melayu pada tempatnya sejajar dengan peranan sejarah, budaya, sosial dan perundangan yang dimilikinya.

Sesungguhnya, kata bitara ini mengandungi maksud yang lebih menggugah ketimbang hanya sekadar ketekalan, kesungguhan dan kejujuran – walaupun ketiga-tiganya mempunyai rujukan yang sangat asasi. Maka, kata ini pastinya tidak mudah untuk ditempelkan pada mana-mana nama dan sosok keculi yang benar-benar mempunyai kelayakan dan kewibawaan umpamanya darihal keilmuan dan keikhlasan dalam perjuangan. Dan, Pak Samad adalah sedikit nama yang layak untuk digandingkan dengan kata ‘bitara’ sebagaimana yang diakui oleh Shaharir dalam tulisan beliau itu.

Syahdan, makalah ini pula mahu menggandingkan kata ‘bitara’ itu dengan nama Shaharir. Faktanya adalah tidak sukar untuk kita menyanggahkan gandingan ini. Toleh sahaja kepada kesaujanaan cakupan kesarjanaan beliau seperti yang sebahagian kecilnya tertera dalam senarai penerbitan di akhir makalah ini. Maka, kita pun mengangguk tenang sembari menegaskan bahawa kata ‘bitara’ itu memang sangat patut kita pautkan dengan kemas pada nama beliau. Dan, kata ini bahkan terasa terlalu akrab untuk diceraikan dengan beliau.

Walhasil, sebagai penjelmaan maksud kata ‘bitara’, maka dapatlah dilihat bahawa tumpuan kerja-buat kesarjanaan Shaharir sangat beragam. Hal ini dapat juga kita cerap dalam deretan karangan yang beliau hasilkan itu. Antara tujuhannya yang terpenting mencakupi bidang sains, matematik, ekonomi, politik, agama, bahasa dan budaya. Oleh sebab itulah untuk membicarakan semua tumpuan kegiatan kesarjanaan Shaharir ini tidak cukup dengan hanya sebuah catatan pengenalan seperti makalah ini. Maka, makalah ini pun memerlukan pembatasan. Ia hanya membicarakan perihal yang ada hubungan dengan usaha Shaharir bagi meneguhkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa pengungkapan ilmu. Kedua-duanya juga menjadi asas kepada pembangunan ilmu beracuan watan (pemeribumian ilmu). Walaupun bahasa ilmu dan bahasa pengungkapan ilmu adalah batasan kepada tulisan ini, namun kedua-duanya merupakan perkara asasi yang merantai dan membentuk alur fikir serta kegiatan kesarjanaan beliau selama ini.

## **BAHASA DAN PEMBENTUKAN JATI DIRI SEBAGAI ILMUWAN ULUNG**

Seperti yang ditegaskan, bahasa Melayu sememangnya menempati kedudukan yang sangat istimewa dan asasi dalam kegiatan keilmuan Shaharir. Kesedaran mengenai hakikat bahasa yang bukan sekadar sistem linguistik yang diatur menurut struktur berbentuk tipologi tertentu, atau yang bukan sekadar bahasa yang berperanan sebagai wahana percakapan semata-mata, tetapi sebagai suatu entiti yang berdaya menjadi ‘penemu’ dan ‘nadi’ atau ‘jiwa’ kepada sebarang ilmu (Shaharir, 2009a, 2009b), rupanya telah beliau canai dan pasak secara sedar mahupun tidak sedar sejak dari alam persekolahan lagi.

Fakta berkaitan hal ini yang menarik untuk dikongsikan di sini ialah beliau sememangnya terbangun dalam warisan dan latar pendidikan yang berpengantarkan bahasa Melayu sepenuhnya sehingga Tingkatan 6 di Sekolah Alam Shah. Fakta ini diakui oleh beliau sendiri seperti yang terdapat dalam catatan berjudul *Selamat Bertemu* bertarikh 2 September 2007 dalam blog Komshaha (<http://shaharirbmz.blogspot.com/>). Setelah pulang mengaji peringkat sarjana dalam bidang matematik tulen dan gunaan (1971) dan doktor falsafah dalam bidang matematik fizik (1974) di Universiti La Trobe, Australia, dengan tajaan Biasiswa Rancangan Colombo, beliau kembali ke tanah air untuk berkhidmat sebagai pensyarah dan profesor penuh (yang dilantik pada tahun 1983) di universiti yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa pembangunan ilmu, iaitu UKM.

Akan tetapi, ada satu sisi lain yang mungkin tidak ramai yang sedar, namun boleh ditampikan sebagai huraian tambahan kepada hal yang disinggung di sini, iaitu lingkungan budaya, selain hal yang dinyatakan oleh E. F. K. Koerner (1989) sebagai “iklim idea” (*climate of ideas*). Lingkungan budaya merujuk kepada persekitaran yang menjadi tempat Shaharir dibesarkan di Kelantan. Fakta yang diketahui umum mengenai negeri ini ialah Kelantan sememangnya negeri yang memiliki penghayatan kebudayaan yang kental. Lihat sahaja betapa bersemaraknya hasil seni dari negeri ini (menora, makyong, main puteri, dikir barat, wau, gasing dan lain-lain). Kekentalan terhadap penghayatan kebudayaan inilah yang turut berperanan sebagai hamparan yang membentuk pemikiran dan tindakan Shaharir dalam menggalati persoalan keilmuan berpautkan kepada bahasa Melayu.

Iklim idea pula merujuk kepada keadaan zaman yang melatarbelakangi Shaharir bagi mencitrakan dirinya sebagai ilmuwan yakni akhir 1970-an dan awal 1980-an. Kegiatan kejuruteraan bahasa Melayu sememangnya begitu rancak dalam tempoh ini sama ada menerusi rencana Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mahupun Majlis Bahasa Brunei, Indonesia dan Malaysia (MABBIM). Sebagai pakar dalam bidang matematik dan fizik, Shaharir terlibat secara langsung dalam membentuk istilah kedua-dua bidang agar bahasa Melayu berdaya mengungkapkan kandungan ilmunya yang rumit itu. Kegiatan pembentukan istilah ini mengundang isu yang lebih asasi: kebolehterjemahan. Isu ini kemudiannya membenihkan kesedaran tentang peri pentingnya memperibumikan ilmu daripada warisan asing dan seterusnya membina ilmu baharu berteraskan kebudayaan dan bahasa sendiri menerusi kegiatan penterjemahan.

Dengan iklim idea yang sebegitu rupa, maka sudah tentunya kita dapat memahami sebab utama keakraban beliau dengan bahasa Melayu, dan dengan bahasa inilah juga beliau berupaya meletakkan batu pancang kepada penelusuran gagasan pemeribumian ilmu yang hujungnya tertala pada perjuangan membangunkan ilmu watan yang mandir serta yang bersalut dengan lilitan kebudayaan Melayu-Islam atau Malayonesia.

## **PENGISLAMAN ILMU DAN PEMERIBUMIAN ILMU**

Untuk menyinggung secara ringkas pemikiran dan seterusnya sumbangan<sup>1</sup> Shaharir terhadap usaha pengangkatan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa pengucapan ilmu serta bahasa pembangunan ilmu beracuan watan atau ilmu swaacuan yang terimplikasi secara langsung daripadanya, maka kita perlu terlebih dahulu menelusuri gagasan yang berdarah daging dalam diri beliau sendiri. Gagasan yang dimaksudkan ialah pengislaman ilmu dan pemeribumian ilmu.

Walaupun dikatakan sebagai sudah berdarah daging dalam diri beliau, namun kemahuan untuk mengelih ilmu menurut acuan Islam dan menurut acuan kebudayaan sendiri sebenarnya tidak tiba serentak dengan selesainya penelitian kedoktoran beliau di Universiti La Trobe, Australia, mahupun dengan awal perkhidmatan beliau di UKM. Akan tetapi, seperti yang dikisahkan oleh beliau sendiri dalam satu ceramah meraikan sambutan ulang tahun ke-40 Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) pada 27 Julai 2017, kemahuan beliau untuk berdampingan akrab dengan gagasan pengislaman dan pemeribumian ilmu ini hanya tiba setelah beliau giat berwacana dengan ideolog pengislaman ilmu dan para pendokongnya sekitar tahun 1970-an. Kesedaran dan minat yang terbit setelah itu membawa diri beliau untuk bermukim dalam sebuah persatuan akademik bernama Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) pada tahun 1977.

### **Pengislaman Ilmu**

Apakah yang dimaksudkan dengan pengislaman ilmu? Gesaan untuk mencerap ilmu menurut acuan Islam sememangnya akrab dengan tiga orang pemikir besar dunia Islam abad ke-20, iaitu Seyyed Hossein Nasr, Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Ismail al-Faruqi.<sup>2</sup> Ketiga-tiga pemikir dunia Islam inilah yang menyetujui gagasan pengislaman ilmu dalam mandala keilmuan kontemporari sama ada dari segi menggubal dasar falsafah mahupun menterjemahkannya ke dalam tindakan praktis yang

<sup>1</sup> Sumbangan akademik Shaharir secara umumnya boleh didapati dalam blog Komshaha menerusi pautan ini: <http://shaharirbmz.blogspot.com/2007/09/selamat-bertemu.html>. Kalau kita boleh meringkaskannya di sini, sekurang-kurangnya ada lapan sumbangan beliau (ejaan asal yang digunakan oleh Shaharir dalam blog tersebut dikekalkan), iaitu: 1) teori pengkuantuman Feynman; 2) teori resapan quantum; 3) paradigma baharu pengoptimuman; 4) teori kepengurusan dan kepemimpinan rumpun Melayu; 5) teori kewangan baharu yang mengambil kira konsep mudharabah; 6) penemuan unsur sains matematik Melayu pra-Islam yang mendahului zaman; 7) kritikan terhadap Teori Einstein dan Teori Quantum berteraskan sistem nilai Melayu-Islam; dan, 8) pembuktian bahawa revolusi matematik sarat nilai.

<sup>2</sup> Seperti yang sudah sedia maklum bahawa Seyyed Hossein Nasr mengambil jarak dalam polemik mengenai "siapakah pencetus gagasan pengislaman ilmu?" Setelah meletakkan dasar secara falsafah keperluan mencerap ilmu moden berpaksikan sistem nilai Islam khususnya dalam *Pengenalan Doktrin Kosmologi Islam* (pertama kali terbit dalam bahasa Inggeris pada tahun 1964) dan dalam karya-karya yang lain, beliau tanpa menoleh lagi terus menghayati dan mengamalkan idea yang diyakininya ini dalam kegiatan keilmuan beliau.

berupa pembentukan gerakan pendesak (persatuan dan badan bukan kerajaan) dan pembinaan institusi (universiti dan pusat penyelidikan).

Secara kasar, pengislaman ilmu bertujuan untuk menilai semula ilmu-ilmu kontemporari yang terbangun dan terbit daripada warisan keilmuan Barat. Pada anggapan para pelopor gagasan ini, ilmu berkenaan sangat dipengaruhi nilai Barat yang mengalami pensekularan, justeru mengandungi banyak unsur yang bertentangan dengan nilai yang dihayati dalam Islam. Premis utamanya ialah ilmu tidak bebas nilai atau tidak neutral selain tidak seobjektif yang disangka-sangka, termasuklah ilmu matematik. Hal ini demikian kerana ilmu berkenaan telah dipengaruhi nilai yang dianuti dan dihayati oleh sarjana yang membangunkannya. Jika seseorang ilmuwan itu lahir dalam tradisi Barat, maka nilai dan falsafah Baratlah yang terkandung di dalamnya. Jika seseorang ilmuwan itu lahir dalam warisan Islam, maka nilai Islamlah yang dihayatinya. Yang lebih sedikit ekstrem lagi, jika seseorang ilmuwan itu ateis, tidak mempercayai kewujudan Tuhan, dan agnostik yang meragui penglibatan aktif Tuhan dalam menyusun atur perjalanan kosmos, maka nilai ateisme dan agnotisme yang terzahir dalam sebarang ilmu yang diterbitkan.

Maka, fakta yang harus kita terima ialah setiap tamadun dan kebudayaan membangunkan ilmu di atas dasar isme-isme, kepercayaan, dan sistem nilai yang dianuti dan dihayati oleh para anggotanya. Mungkin untuk lebih jelas, wajar dipaparkan pandangan Seyyed Hossein Nasr mengenai hal ini. Dalam praturja kepada *Pengenalan kepada Doktrin Kosmologi Islam* Nasr (2009) menulis begini:

“Dalam tamadun tradisional seperti Islam, sains kosmologi adalah berkait rapat dengan Wahyu, kerana dalam tamadun begini, prinsipnya yang teguh dan hidup, ataupun ‘Idea Utamanya’ melahirkan realitinya di mana sahaja, sama ada dalam penghidupan sosial ataupun di mana sahaja tamadun itu hidup dan bernafas. Dalam tamadun yang sedemikian, sains kosmologi menjalinkan fenomena yang berbagai-bagai dalam alam tabii ke dalam satu perancangan konseptual berkenaan kesemua yang membayangkan prinsip-prinsip wahyu dan idea utama tadi. Manifestasi akan terlihat dalam kesemua jalinan kejadian yang serba terikat kepada ‘Idea Utama’ atau Wahyu itu.”

Nasr meneruskan catatan dalam halaman yang sama:

“Perhubungan antara Wahyu dengan manusia sebagai penerimanya, adalah ibarat perhubungan antara bentuk (*form*) dengan jirim (*matter*) atau bahan... Wahyu atau ‘Idea Utama’ dalam aspek pernyataan adalah bentuk (*form*) dan struktur akal atau psikik manusia yang menerimanya bertindak sebagai jirim atau bahan (*matter*) di mana bentuk mempamerkan ‘wajahnya’. Kesemua tamadun dibina begini, iaitu secara pengacuan ‘bentuk’ ke atas ‘bahan’ bergantung kepada nilai-nilai psikik dan sifat bangsa yang didatangi oleh bentuk dalam dua cara. Pertamanya, Wahyu disampaikan dalam bahasa masyarakat yang didatanginya, seperti yang selalu dinyatakan oleh al-Qur’an dan kedua ‘bahan’ atau ‘jirim’ tempat Wahyu didatangi memainkan peranan dalam menggilap, memakmur dan memanjangkan bentuk-bentuk pernyataan yang disampaikan oleh Wahyu.”

Petikan ini menjelaskan bahawa ilmu yang lahir di luar warisan keislaman perlu dinilai dan disaring secara kritis agar dapat dicocokkan dengan “Idea Utama” yang membentuk acuan dalam ‘psikik’ umat Islam.

Selain Nasr, premis ilmu tidak bebas nilai juga telah diungkapkan dengan lebih mendalam dan sistematik lagi oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas. Dalam hal ini al-Attas (2003) mengaitkan ilmu kontemporari sebagai natijah langsung daripada anasir pensekularan sebagai suatu program falsafah. Maka, mampirlah korupsi dalam ilmu. Kesan terbesarnya ialah manusia menjadi kehilangan adab terutama dalam bersikap dengan hakikat kebenaran dan hakikat kewujudan. Kehilangan adab menjelmakan kezaliman. Yakni, kegagalan meletakkan sesuatu pada tempatnya yang benar dalam tingkatan kenyataan tampak dan ghaib. Akhirnya, kekeliruan pun berleluasa sehingga kita tidak lagi berupaya mengenal dengan benar hakikat sesuatu dalam kenyataan kewujudan.

Shaharir, dalam banyak karya yang beliau hasilkan juga ada memaparkan contoh khas yang menunjukkan betapa akrabnya hubungan nilai yang dihayati seseorang ilmuwan dengan ilmu yang dibangunkannya. Dalam Shaharir (2010c), Stephan Hawking dirujuk sebagai salah satu contohnya. Menurut Shaharir, Hawking telah melontarkan teori kebelakaan (*the theory of everything* – ada filem

juga, yakni filem biografi Hawking, yang menggunakan kalimat ini sebagai judulnya). Teori ini turut mengandungi penjelasan mengenai lohong gelap gelemek (*black hole*). Kewujudan lohong gelap gelemek menatijahkan permulaan masa dan ruang justeru menjadi asas kepada pembentukan kosmos itu sendiri. Teori ini nampak mengena dengan doktrin kosmologi Islam yang menegaskan kewujudan kosmos adalah “daripada tiada kepada ada.” Akan tetapi, sebelum kita membuat penyamaan natijah teori ini dengan pernyataan al-Qur’an, kita harus mengetahui sikap beragama Hawking dan tujuan teorinya dicipta. Menurut Shaharir, tujuan Hawking bukanlah untuk membentangkan penjelasan saintifik yang berupaya membenarkan warisan Biblikal dan pernyataan dalam al-Qur’an. Tujuan Hawking hanya satu: mengukuhkan keyakinan beliau bahawa kosmos ini terhasil secara evolusi.

Pastinya teramat aneh untuk seorang yang ateis melahirkan teori yang menatijahkan pembenaran terhadap agama. Maka, yang sebenarnya, kelahiran teori itu adalah semata-mata untuk memperteguhkan kesangsiannya terhadap kewujudan Tuhan. Seperti itulah Hawking dengan idea lohong gelap gelemeknya. Disebabkan adanya hubungan tersirat antara diri peribadi penerbit ilmu dengan ilmu yang diterbitkannya, maka Shaharir (2010c:211) pun mencadangkan agar sisi kehidupan peribadi setiap ilmuwan perlu dikaji dengan tuntas dan kritis untuk melihat penjelmaan keakraban sistem nilai dengan ilmu yang diterbitkan. Hanya dengan penyelidikan yang terperinci terhadap latar belakang seseorang ilmuwan barulah sisi gelap yang ada di sebalik ilmu yang diterbitkan berupaya diselak.

### **Pemeribumian Ilmu**

Jika gagasan pengislaman ilmu melibatkan penyaringan ilmu menurut konteks yang cocok dengan pandangan alam Islam secara keseluruhan, maka pemeribumian ilmu, yang sememangnya dibangunkan dan diprakarsai oleh Shaharir sendiri, pula lebih menumpukan kepada warisan keilmuan peradaban Melayu-Islam atau Malayonesia. Yang dimaksudkan dengan keilmuan Malayonesia ini ialah warisan keilmuan yang terbit daripada segala khazanah ilmu nukilan bangsa Malayonesia yang berpasakkan pada pandangan alamnya atau sistem nilainya sama ada sebelum mahupun selepas kedatangan Islam dalam bahasa yang khusus, iaitu bahasa Melayu (serta bahasa dan dialek yang sekerabat). Maka, pemeribumian ilmu dirujuk sebagai kegiatan yang mengkaji dan meneliti secara tuntas warisan keilmuan ini. Takrif ini jelas dalam ungkapan Shaharir (2004:310) yang menyatakan bahawa pemeribumian ilmu atau etnosains dan etnoilmu sebagai “...sains yang diolah semula, ditafsirkan, disesuaikan dan dibangunkan oleh mereka yang berpandangan alam Melayu-Islam yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam.”

Gagasan asas pemeribumian ilmu masih serupa dengan pengislaman ilmu. Cuma, pemeribumian ilmu lebih bertujuan untuk menyaring ilmu kontemporari dengan menggunakan acuan sistem nilai Melayu-Islam atau Malayonesia sebagai tunjangnya. Jika pengislaman ilmu mempertanyakan soalan seperti “apa Islam kata tentang sesuatu ilmu?”, maka soalan yang ditanyakan menerusi gagasan pemeribumian ilmu pula menjadi lebih khusus seperti “apa kata warisan Melayu-Islam terhadap sesuatu ilmu?” Pemeribumian ilmu dilihat lebih akrab dengan slogan “membangunkan ilmu dalam acuan sendiri.” Ungkapan “acuan sendiri” menekankan peri pentingnya bahasa Melayu sebagai wahana pembangunan ilmu dan pembangunan tamadun. Meletakkan bahasa Melayu atau bahasa-bahasa yang ada dalam rumpun Malayonesia sebagai asas pembangunan ilmu dan tamadun yang ternatijah daripada takrif yang diberikan oleh Shaharir di atas, serta takrif lain yang lebih terperinci lagi umpamanya dalam Shaharir (2010a), secara nyata telah mendudukan bahasa Melayu sebagai pasak kepada penyembulan ilmu peribumi.

Menurut Shaharir dalam karangan itu (Shaharir, 2010a), ilmu Melayu ialah sesuatu ilmu yang “...bukan sekadar bersumberkan bahasa sejarah ilmu rumpun Melayu masa lampau, tetapi unsur sejarah itu mestilah yang bertulis di dalam **bahasa rumpun Melayu** (unsur sains matematik di dalam bahasa Sanskrit atau Arab umpamanya tidak diiktiraf sebagai ilmu rumpun Melayu).” Beliau meneruskan huraian dalam buku yang dengan menegaskan bahawa “...pemaparan kembalinya (ilmu itu—penulis) pun hendaklah dominannya dalam warisan rumpun bahasa yang sama dan pengembangan ilmu yang tersembul itu perlu dilakukan di dalam acuan Melayu-Islam...” Takrif ini menyatakan secara jelas bahawa bahasa Melayu atau bahasa-bahasa dalam rumpun Malayonesia adalah inti kepada kelahiran gagasan pemeribumian ilmu. Hal yang serupa dihuraikan Shaharir mengenai ilmu Melayu, yakni sesuatu ilmu itu hanya akan digelar sebagai ilmu milik bangsa Melayu apabila diungkapkan dan

dikaryakan dalam bahasa Melayu (Shaharir, 2010a:51, 2016) Sama juga dengan bahasa lain, misalnya bahasa Inggeris. Hal ini demikian kerana sesuatu ilmu akan menjadi ilmu Inggeris kalau diungkapkan dalam bahasa Inggeris. Secara ringkas, kepemilikan ilmu tergantung kepada bahasa yang menjadi wahananya, bukan bangsa ilmuwan yang menerbitkannya.

Jadi, dengan takrif yang dikemukakan oleh Shaharir ini, maka tersingkaplah suatu hakikat bahawa projek pemeribumian ilmu yang secara tidak langsung telah mengungkapkan kepentingan bahasa Melayu sebagai teras penerbitan ilmu. Maka, digesalah agar diteroka segala khazanah keilmuan tamadun Melayu-Islam dan Malayonesia yang tertulis dalam manuskrip dan yang terpahat pada prasasti dalam bahasa Melayu (sama ada bahasa Melayu pra-Islam atau pasca-Islam) dan bahasa-bahasa rumpun Malayonesia untuk melaksanakan gagasan yang dipegang oleh beliau.

## PPSMI SEBAGAI PENOLAK

Satu hal yang tidak sesekali boleh diabaikan jikalau ingin menghayati pemikiran Shaharir dan menghargai sumbangan beliau terhadap usaha pengangkatan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa pembangunan ilmu beracuan watan ialah pelaksanaan dasar pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) pada tahun 2003 dan zuriatnya *Dual Language Programme* (DLP) selepas tahun 2012. Malah, boleh dikatakan bahawa penentangan yang istiqamah terhadap dasar bahasa yang songsang ini, juga dasar lain yang meremahkan bahasa Melayu, jelas memperlihatkan keakraban dan kecintaan beliau kepada bahasa ibundanya.

Sebagai seorang yang terlibat langsung dalam bidang sains matematik, atau khususnya matematik-fizik, beliau sememangnya menyedari bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran kedua-dua bidang ilmu yang penting ini merupakan langkah tempang dan meraban. Jika ketidaksetujuan Shaharir ini diungkapkan dalam frasa yang ditulis oleh beliau sendiri (umpamanya dalam Shaharir, 2018), maka dasar tersebut dan dasar-dasar lain yang sepertinya adalah “tidak lestari” justeru bakal “memandulkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.” Dalam perjuangan bagi menentang pelaksanaan dasar PPSMI misalnya, beliau tetap setia berpegang pada premis bahawa ilmu tidak bebas nilai. Oleh sebab ilmu diungkapkan menerusi bahasa, maka bahasa pun pastinya turut tidak bebas nilai. Bagi Shaharir, bahasa bukan sekadar mengandungi unsur linguistik yang terdiri daripada bunyi (fonetik dan fonologi), perkataan (morfologi dan leksikal), ayat (sintaksis) dan makna (semantik). Akan tetapi, bahasa adalah penentu pemikiran dan perumus pandangan alam yang dihayati oleh penuturnya. Ertinya, dalam bahasa, terkandung dimensi kejiwaan, kesedaran dan psikik penuturnya (Shaharir, 2023).

Pandangan seperti ini sebenarnya tidak asing. Hal ini demikian kerana ia selaras dengan pendirian beberapa ahli bahasa yang berwibawa pada abad ke-20 seperti Edward Sapir dan muridnya Benjamin Lee-Worf. Kedua-duanya terkenal dengan suatu tesis yang diistilahkan sebahai tesis Sapir-Worf. Tesis ini telah meneguhkan tunjang kerelatifan linguistik (*linguistic relativity*) dan tentuisme linguistik (*linguistic determinism*). Bukan hanya Sapir dan Worf, kecenderungan untuk melihat bahasa menerusi lensa seperti yang ini lebih awal lagi turut dikemukakan oleh ahli falsafah bitara khususnya dalam tradisi idealisme Jerman, yang antara lainnya melibatkan sosok seperti Herder, Wilhelm von Humboldt, Leo Weisgerber, juga Martin Heidegger.

Martin Heidegger umpamanya, yang disepakati sebagai salah seorang ahli falsafah hebat pada abad ke-20, pernah melontarkan ungkapan berbunyi “bahasa adalah rumah Ada” (*language is the house of Being*) (Heidegger, 1987). Niat ungkapan ini adalah untuk menggambarkan keakraban bahasa dengan jiwa penuturnya. Disebabkan adanya unsur kejiwaan dalam bahasa, maka sesuatu kenyataan wujud yang dicerap oleh seseorang penutur sesuatu bahasa, diungkapkan secara berbeza dengan seseorang pencerap lain yang bertutur dalam bahasa yang lain pula. Contoh mudah boleh ditampilkan untuk memahami perkara ini. Kata *pokok* umpamanya, selain mempunyai makna umum yang diberikan oleh kamus muktabar bahasa Melayu, turut mengandungi pengertian lain yang berbeza antara seorang Islam dengan seorang yang menganut faham animisme, khususnya apabila makna ‘pokok’ dipasak dengan elemen metafizika. Maka, bagi Muslim, *pokok* pastilah difahami sebagai maujud yang menjadi petanda adanya Pencipta. Bagi sang animis, *pokok* hanya difahami sebagai maujud yang berjiwa dan

berperasaan. Hal ini membuatkan *pokok* berkenaan disembah dan dipuja dengan ritual tertentu bagi memastikan jiwa atau semangatnya sentiasa berada dalam keadaan tenang.

Begitu juga dalam ilmu sains, sesuatu istilah yang menayangkan konsep keilmuan tertentu pula difahami, diterbitkan, lalu dijiwai dengan pertimbangan sistem nilai pembangunnya. Contoh yang sering digunakan oleh Shaharir dalam beberapa karya beliau (antaranya Shaharir, 1990, 2010a) ialah konsep optimum. Menurut Shaharir, makna konsep optimum atau “yang terbaik” yang difahami oleh Barat-sekular sangat berbeza dengan pengertian yang ada dalam kebudayaan Melayu-Islam. Pada kefahaman Barat-sekular, yang dikatakan “yang terbaik” itu adalah yang difahami dan dihayati oleh isme seperti liberalisme, neo-liberalisme, utilitarianisme, positifisme, kapitalisme dan sosialisme; sebaliknya, bagi orang Melayu-Islam, “yang terbaik” itu ialah “berpada-pada” atau *wustdo* yang jelas mengandungi pengertian yang disaluti dengan pandangan alam Islam.

Pada masa sama, terdapat isu lain pula yang terimplikasi secara tersirat di sebalik penggubalan dasar PPSMI dan DLP. Implikasi yang dimaksudkan ialah kecenderungan untuk menganggap bahawa tidak ada ilmu sains dan matematik dalam peradaban Malayonesia lantas menyebabkan lahirnya kemahuan untuk menggubal dasar yang boleh dikatakan 100% meletakkan kekaguman (atau ketundukan?) kepada tamadun Barat, khususnya tamadun yang dibangunkan oleh mereka yang bernatifkan bahasa Inggeris (Amerika dan UK). Hal ini demikian kerana bagi penyokong dasar PPSMI, segala ilmu yang canggih, seperti sains dan teknologi termasuk matematik, hanya disampaikan dalam bahasa Inggeris, tanpa menyedari bahawa bahasa inipun sebenarnya meminjam konsep ilmu tersebut daripada bahasa lain, seperti bahasa Yunani, Latin, Jerman, Perancis dan Arab (Philipson, 1992). Bahkan peminjamanlah yang memungkinkan berseminya kemajuan kepada negara-negara yang berbahasa Inggeris.

Akibatnya ialah muncullah pandangan bahawa bahasa Melayu bukanlah bahasa ilmu. Tembakan membuta tuli dan tekaan rambang semacam ini telah ‘mencabar’ Shaharir untuk menyembulkan unsur sains dan matematik yang ada dalam peradaban Malayonesia yang sejak turun-temurun diungkapkan dalam bahasa Melayu dan bahasa rumpun Austronesia. Ternyata hasilnya tidaklah seperti yang disangka-sangka oleh golongan pendokong PPSMI kerana Shaharir berjaya membuktikan kewujudan ilmu sains, teknologi dan matematik yang bitara dalam peradaban Malayonesia; lihat hasil dan renungan beliau setelah tiga dasawarsa melakukan penyelidikan sains peribumi (Shaharir, 2010b); lihat juga nota kaki nombor 2 yang menyatakan lapan sumbangan kesarjanaan beliau.

Sememangnya benarlah bahawa ilmu sains dan matematik atau ilmu yang lain ada dibincangkan, diteorikan dan diamalkan dalam peradaban Malayonesia. Jikalau tidak ada, masakan mungkin bangsa ini berjaya membangunkan tamadun yang cemerlang seperti Funan-Chenla, Champa, Sriwijaya, Majapahit, Melaka ataupun Aceh. Cumanya, unsur-unsur keilmuan itu menurut Shaharir (Shaharir, 2010a) telah “...terdampar di pantai yang belum ada peliburnya sahaja”, dan kalau ada pun yang berminat hanyalah untuk kelih-kelih, kemudian tersipu-sipu malu, lalu bersembunyi di sebalik pintu. Selain itu, mereka yang berminat pula hanya sekadar mahu bernostalgia dengan menyatakan betapa benarnya fakta adanya ilmu dalam peradaban Malayonesia tanpa melanjutkan dengan pertanyaan apakah ilmu itu? dan apakah ia boleh didialogkan dengan ilmu kontemporari?

Hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Shaharir sepanjang karier akademik di universiti mahupun selepas bersara secara tidak langsung telah menjadi bukti ampuh bagi meneguhkan suatu hakikat bahawa bahasa Melayu sememangnya sudah menjadi bahasa sains dan matematik ataupun bahasa ilmu secara keseluruhannya sejak sekian lama. Yang menjadi masalah utama kepada para penyokong dasar PPSMI dan DLP adalah sikap mereka yang liat untuk menerima hakikat ini. Puncanya tiada lain daripada watak tertawan yang sememangnya sudah berkeladak, berkarat dan berkahak dalam jiwa.

## **BAHASA NADI ILMU**

Sesudah menjelaskan sedikit sebanyak latar kesarjanaan Shaharir, maka barulah boleh diperhatikan pula sumbangan beliau ke arah memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan sebagai bahasa yang menjadi tunjang pembangunan ilmu beracuan watan. Terdapat tiga perkara yang akan



dibincangkan dalam bahagian ini, ialah: i) penelusuran etimologi sebagai tatakaedah; ii) peristilahan dan perkamusan; dan iii) penerokaan wilayah penyelidikan baharu.

### **Penelusuran Etimologi sebagai Tatakaedah**

Seperti yang sudah pun dinyatakan dalam bahagian ini, tujuan utama gagasan pemeribumian ilmu adalah bagi membangunkan ilmu mengikut acuan sendiri atau swaacuan. Penetapan matlamat yang seperti ini telah menerbitkan persoalan tentang metodologi atau tatakaedah yang diterapkan dan hubungan penerapannya terhadap pemerikasaan bahasa Melayu itu sendiri. Persoalan ini penting untuk diberi perhatian kerana pemeribumian ilmu memiliki matlamat yang sangat besar dan berjangka panjang maka memerlukan dasar tatakaedah yang kukuh. Jadi, apakah tatakaedahnya? Kegiatan cari-gali perkataan dan maknanya. Dalam bahasa lain, penelusuran etimologi.

Penelusuran etimologi yang dimaksudkan di sini bukanlah seperti yang dikupas dengan baik oleh ahli linguistik sejarawi antaranya Bynon (1994:61) yang merujuknya sebagai usaha penyusunan sejarah bentuk dan makna perkataan. Dalam kegiatan penyusunan ini tercakup pula di dalamnya tiga persoalan utama seperti yang diutarakan oleh Collins (2005:2-4):

- i. Etimologi mesti melibatkan masalah bentuk dan makna;
- ii. Etimologi merupakan usaha sejarah yang sewajarnya menjelaskan perkembangan kata; dan,
- iii. Etimologi melingkungi asal usul kata dalam sesuatu bahasa.

Penelusuran etimologi yang diterapkan dalam tatakaedah pemeribumian ilmu adalah untuk merungkai makna sesuatu istilah yang menayangkan makna konsep ilmu kontemporari yang ada dalam bahasa lain lalu dipadankan dengan bahasa sendiri. Persamaan dan perbezaan makna diserlahkan dengan penekanan istimewa diberikan kepada perbezaan. Perbezaan membolehkan penilaian dan kritikan dilakukan menggunakan istilah dan makna konsep ilmu menurut pengertian yang terserlah dalam bahasa sendiri. Perungkaian makna dan kritikan menerusi dialog dikerjakan bagi tujuan menjawab pertanyaan seperti “apa Melayu dan Islam kata terhadap konsep ilmu yang ingin dirungkai dan dikritik itu?”

Tatakaedah yang dinyatakan ini sepertilah juga yang pernah diamalkan oleh ilmuwan pada zaman tamadun Islam dahulu yang mengubah dan menginovasikan ilmu Yunani dan ilmu India untuk disesuaikan dengan sistem nilai yang dihayati dalam agama Islam. Begitu jugalah yang dibuat oleh ilmuwan Barat terutama pada Zaman Kebangkitan dan Zaman Pencerahan yang kembali menelusuri ilmu Yunani untuk disesuaikan dan mengubahnya menurut kerangka keilmuan Barat yang ada pada zaman itu. Oleh sebab itulah dalam zaman tersebut, karya ahli falsafah Yunani seperti Plato dan Aristotle ditemui semula dan kembali dirunut setelah tertanam sejak sekian lama dalam liang lahad Zaman Gelap.

Penelusuran ulang terhadap warisan keilmuan sendiri oleh ilmuwan Barat yang masih lagi diteruskan hingga ke zaman kini pun termasuklah dalam hal merungkai makna istilah ilmu melalui etimologi. Hal ini dapat dilihat antaranya dalam karya Martin Heidegger (Steiner, 1991) yang berusaha merungkai makna ‘Ada’ (*Being*) dengan penelusuran etimologi hingga kepada bahasa Yunani purba. Sungguh benarlah demikian kerana menurut ahli falsafah kontemporari Perancis, iaitu Bernard Steigler, dalam dokumentari *The Ister*, bahawa segala-galanya berasal daripada Yunani, maka untuk mencari makna diri dan hidup pun perlulah merasai bayu di pesisir Laut Mediterranean.

Menerusi penerapan tatakaedah penelusuran etimologi yang sebegini, seseorang penyelidik perlu menggelintar deretan perkataan dalam bahasa Melayu yang mengandungi konsep-konsep ilmu kontemporari. Seterusnya, penyelidik berkenaan perlu “melaga-lagakannya” atau mendialogkannya dengan perkataan yang mengandungi konsep ilmu yang sama yang ada dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain. Hal ini dilakukan bagi melihat apakah ada perbezaan makna dalam perkataan bahasa-bahasa yang terlibat. Secerach mata, makna perkataan yang terlibat pasti mengandungi perbezaan. Hal ini disebabkan premis dasarnya ialah bahasa yang tidak bebas nilai menerbitkan faham ilmu yang juga tidak bebas nilai. Dengan premis ini, konsep ilmu yang diungkapkan melalui bahasa sendiri pastilah akan berbeza dengan konsep ilmu yang sama tetapi diungkapkan dalam bahasa lain.

Shaharir sememangnya sudah pun membuktikan hal ini dalam deretan karya yang beliau hasilkan. Barangkali, kita boleh memperturunkan beberapa contoh di sini. Umpamanya, karya beliau

tentang teori kepemimpinan dan kepengurusan Rumpun Melayu (Shaharir, 2010a). Dalam karya ini, Shaharir secara nyata menunjukkan fahaman dan amalan kepemimpinan dan kepengurusan Rumpun Melayu yang berbeza dengan fahaman dan amalannya dalam warisan tamadun Barat yang sekular. Perbezaan ini disembulkan oleh Shaharir menerusi perbandingan makna dan etimologi bagi perkataan *lead* dengan *pimpin* dan *manage* dengan *urus*. Begitu juga dengan tabii masa dalam teori fizik quantum. Konsep masa yang dihayati dan dinatijahkan oleh teori ini ternyata sangat berbeza dengan konsep masa yang difahami dan dihayati oleh penutur bahasa Melayu yang dihasilkan menerusi kategori penanda kala (sudah-sekarang-kelak). Dari segi etimologi dan makna perkataan bahasa Melayu yang berhubungan dengan konsep masa ini, nuansa maknanya berbeza sama sekali dengan konsep *tenses* dalam bahasa Inggeris mahupun dalam bahasa Jerman (Shaharir, 2009a, 2010c). Shaharir menggelarkan penghayatan masa ini dengan teori masa *telah-lani-kelak*. Teori ini memberi tumpuan khusus kepada masa kini atau *lani*. Hal ini demikian kerana kata *lani* yang menerbitkan *telah* dan *kelak*. Maka, penghayatan konsep masa menurut kebudayaan Melayu yang dibentuk oleh penanda kala *telah-lani-kelak* ialah keakrabannya dengan masa sekarang; kerana masa sekaranglah merupakan masa yang nyata dihidupi oleh manusia.

Dalam pada itu percubaan Shaharir bagi menerbitkan ilmu swaacuan melalui penelusuran etimologi dan perumusan makna perkataan bahasa Melayu ini wajar dianggap sebagai percubaan baharu dalam konteks wacana keilmuan di negara kita, walaupun penerapan tatakaedah yang serupa sudah lama membumi di Barat. Malah, ahli linguistik Melayu yang memiliki kepakaran dalam bidang etimologi pun tidak menyedari keunikan tatakaedah ini. Sebab utamanya adalah kerana mereka hanya bertumpu pada penelusuran perkembangan bentuk dan makna perkataan bagi mencari penyelesaian kepada labirin sejarahnya yang berliku-liku. Sememangnya penerapan tatakaedah penelusuran etimologi seperti yang dilakukan oleh Shaharir berdaya mengunakkan keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu menerusi konsep asli yang terkandung dalam perkataan-perkataannya.

### **Peristilahan dan Perkamusan**

Shaharir bukanlah pakar leksikografi. Semua orang tahu fakta ini. Akan tetapi, penyelidikan yang beliau hasilkan turut menyinggung perihal leksikografi dan leksikologi. Sekurang-kurangnya dua hal yang dibicarakan dalam di sini terkait dengan bidang linguistik yang ini, iaitu peristilahan dan perkamusan.

### **Peristilahan**

Antara perkara yang selalu dibangkitkan oleh para penyokong dasar PPSMI dan DLP bagi membantah usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi ilmu adalah tentang keterhadan istilah yang ada dalam bahasa Melayu bagi merujuk kepada ilmu kontemporari terutamanya bidang sains dan teknologi. Perkara ini seringkali ditimbulkan bagi mewajarkan pelaksanaan dasar PPSMI dan DLP diteruskan sampai bila-bila. Hal ini demikian kerana bagi para pendokong dasar tersebut, semua istilah yang mewakili ilmu sains dan teknologi hanya ada dalam bahasa Inggeris (tanpa mereka menyedari kebanyakan istilah bahasa ini pun diserap daripada bahasa Latin, bahasa Yunani, bahasa Arab dan bahasa Jerman). Hujah seperti ini sememangnya songsang dan terencat, selain sengaja dibuat-buat tanpa alasan ilmiah serta tanpa kesedaran tentang kekayaan khazanah keilmuan peradaban Malayonesia.

Setiap bahasa yang dikatakan moden mestilah memiliki perkataan yang berdaya mengunakkan makna dan konsep keilmuan yang konkrit dan niskala dengan tepat tanpa menimbulkan sebarang kekaburan serta kekeliruan (Collins, 2005). Bahasa Melayu ialah bahasa moden. Ia telah lama ditempelkan dengan sifat ini. Sejak kemunculan tamadun di Malayonesia ini seperti di Indo-China (antaranya Funan, Chenla, Champa), kemudian menjengah ke Borneo (antaranya, Kutai), Sumatera (antaranya Sriwijaya, Malayu, Minangkabau, Aceh), Kepulauan Jawa (antaranya Majapahit, Demak) dan Semenanjung (antaranya Langkasuka, Kedah dan Melaka) memang segala urusan yang melibatkan pelbagai ranah (ilmu, politik, niaga dan lain-lain) dilakukan dalam bahasa Melayu. Pernyataan seperti ini barangkali bakal ditafsirkan sebagai pernyataan yang terbit jiwa orang yang terkena jampi serapah fahaman romantisisme. Hal ini demikian kerana maknanya mengandungi implikasi tentang kenostalgiaan terhadap sejarah lampau semata-mata, lalu meletakkan kita berada dalam keadaan melodramatik. Akan tetapi, ia tidaklah seperti itu yang sebenarnya, dan Shaharir telah

pun membuktikannya melalui sumbangan beliau dalam mencipta dan menghidupkan semula perkataan dan istilah ilmu dalam bahasa Melayu. Dalam maksudnya yang lain, menoleh ke belakang bukan bererti bernostalgia, tetapi lebih merupakan suatu daya usaha untuk membina masa hadapan yang lebih gemilang.

Dalam usahanya ini, Shaharir mencuba sedaya upaya menggali kembali segala perkataan dan istilah yang mungkin mengandungi natijah keilmuan untuk digunakan dan dicocokkan dengan ilmu moden. Hal ini memang dapat dikesan dalam banyak karya beliau, antaranya berkaitan dengan tiga perkara yang dibincangkan di bawah.

### **Istilah Rumpun Melayu**

Shaharir sebenarnya banyak menggunakan perkataan dan istilah bahasa rumpun Malayonesia tentang sesuatu ilmu yang mahu dirumuskan dan diterbitkan olehnya. Hal ini misalnya dapat kita perhatikan dalam karya beliau tentang sistem pembilangan (meliputi penomboran dan sukatan) dan astronomi Melayu. Dalam sistem pembilangan misalnya, Shaharir sering menggunakan istilah bahasa Melayu lama yang sangat kuat nuansa Sanskritnya. Antaranya *laksa*, *suklapaksa*, *wisilion*, *eka*, *dwi* dan *panca*. Dalam bidang astronomi pula, banyak juga istilah rumpun Malayonesia yang digunakan. Antaranya *bintang temabor* yang merujuk kepada galaksi, *rasi* atau buruj, *hora* atau bintang, *graha* atau planet dan *candera* atau bulan.

Walaupun kebanyakan istilah ini memperlihatkan betapa kentalnya pengaruh bahasa Sanskrit, namun harus diakui bahawa kebudayaan yang berasaskan Sanskrit telah mewariskan peninggalannya ke dalam bahasa rumpun Malayonesia sejak sekian lama. Hasil gabungan dan sinkretisme atau pemeribumian dengan kebudayaan tempatan berupaya melahirkan tamadun yang hebat sejak sebelum kedatangan Islam, seperti, antara lainnya, Funan, Cenla, Champa, Sriwijaya dan Majapahit. Maka, waris yang ditinggalkan oleh kebudayaan yang berasaskan Sanskrit tentunya sudah bersemi dan bersebat dalam warisan keilmuan Rumpun Malayonesia. Yang menariknya ialah kemunculan perkataan dan istilah Sanskrit mengenai ilmu tertentu sedikit sebanyak memperlihatkan proses pemeribumian. Ertinya, pemeribumian ilmu di Malayonesia telah berlaku sejak sekian lama kerana para ilmuwannya telah memperibumikan sebarang ilmu yang terdapat dalam bahasa Sanskrit.

### **Istilah dialek Melayu**

Selain perkataan dan istilah yang diambil daripada bahasa Rumpun Malayonesia secara umum, Shaharir juga kerap menggunakan perkataan dan istilah yang diambil daripada dialek-dialek Melayu, umpamanya untuk mengungkapkan sesuatu konsep dalam fizik quantum (Shaharir, 2010c). Antara contoh perkataan dialek yang diangkat bagi merujuk konsep dalam ilmu fizik ialah *lohong gelap-gelemek*. Perkataan ini digunakan bagi menggantikan istilah lohong hitam atau *black hole*. Selain itu, terdapat juga perkataan *bergusut*. Ia digunakan bagi merujuk kepada tabii atom yang tidak tetap. Kedua-dua, yakni *gelap-gelemek* dan *bergusut*, merupakan perkataan dialek Kelantan. Istilah yang pertama memang sesuai dipadankan dengan lohong hitam. Hal ini demikian kerana ia bermaksud suasana yang betul-betul hitam, atau hitam yang pekat. Maka sesuaiilah dengan lohong hitam yang memang hitam itu.

### **Istilah terjemahan**

Penglibatan Shaharir dalam jawatankuasa peristilahan telah memberikan peluang kepada beliau bagi mereka dan mencipta istilah baharu untuk digunakan dalam bidang ilmu sains dan teknologi. Hasil penglibatan beliau ini ialah pembentukan daftar istilah bahasa Melayunya. Selain menyunting daftar istilah khusus seperti *Istilah Sains UKM* (1980a) dan *Senarai Istilah Matematik* (1980b), beliau juga secara berturut-turut melampirkan setiap istilah teknikal dalam karya terjemahan seperti Imre Lakatos (2003), Raymond Wilder (2010) dan Albert Einstein (2010).

Yang menarik tentang istilah terjemahan ini ialah beliau secara umumnya tidak terikat dengan ketat kepada pedoman peristilahan dan penterjemahan. Dalam buku pedoman peristilahan dan penterjemahan itu, umpamanya di bawah judul penyerapan, jawatankuasa penterjemahan meletakkan garis panduan bahawa sesuatu istilah yang tiada konsepnya dalam bahasa Melayu perlulah dikekalkan struktur asal ejaan bahasa Inggeris dengan hanya sedikit pengubahsuaian terhadap ejaan itu supaya kena

dengan sistem tatabunyi bahasa Melayu (DBP, 2004:8). Maka, *phonology* umpamanya dialihkan sahaja kepada fonologi.

Tidak demikian cara Shaharir berkerja. Beliau seboleh-bolehnya menggelintar istilah asli dalam bahasa rumpun Malayonesia yang membawa konsep ilmu yang sama dengan konsep ilmu yang diungkapkan dalam bahasa Inggeris itu. Oleh sebab itulah, dalam banyak karya beliau, kita akan mendapati bahawa *realism* tidak diterjemahkan kepada *realisme*, tetapi kepada *nyataisme*, *behaviorism* kepada *kelakuanisme*, *falsificationism* kepada *pemalsuanisme*, *deconstructionism* kepada *nyahbinaisme*, *sensationalism* kepada *nafsuisme*, *essentialism* kepada *saripatisme* dan *existentialism* kepada *wujudisme*. Beliau pernah mencadangkan kepada penulis ini bahawa istilah *uniformitarianism* harus diterjemahkan kepada *seragamisisme*.

Amalan penterjemahan yang sebegini membolehkan fahaman yang tersirat dalam istilah asalnya dilenturkan dan disesuaikan dengan pengertian yang dibawa oleh sistem nilai Melayu-Islam. Pelenturan dan penyesuaian sebegini adalah salah satu cara pemeribumian beroperasi. Ambil contoh *realisme* dan *nyataisme*. Istilah *realisme* dalam konteks asalnya difahami sebagai suatu aliran falsafah yang menekankan pemerian fenomena tampak. Maka, faham yang terkandung di dalamnya bersifat pemanifestian pengalaman empirik yang dapat dicerap dengan pancaindera. Untuk tiba pada pemerian ilmiah mengenai fenomena, maka diterapkan falsafah positivisme dan kaedah positifis yang menegaskan bahawa fenomena itu hanyalah apa-apa yang tampak pada pancaindera yang lima; yang lain daripada itu tidak termasuk dalam hal yang digelar sebagai fenomena.

Kata *nyata* dalam *nyataisme* berasal daripada bahasa Sanskrit: *niyata* atau *nyata*, yang bermaksud *pasti*, *tetap*, *menetap*, atau dalam bahasa Pali *nyata* yang bermaksud *mengetahui* (Gonda, 1973:396). Setelah dipinjam ke dalam bahasa Melayu setelah kedatangan Islam, maka kata ini yang menjalani gerak pengislaman. Pengislaman telah mengubah makna *nyata* yang tidak lagi hanya sekadar bererti fenomena tampak semata-mata, bahkan turut merangkumi makna metafizikal. *Kamus Dewan* (2004:1089) misalnya memberikan salah satu maksud *nyata* sebagai *benar-benar ada*, *maujud* dan *wujud*. Oleh sebab itulah dalam bahasa Melayu terdapat ayat seperti *syurga itu nyata*, *Tuhan itu nyata* serta *dosa dan pahala itu nyata*. Adanya kalimat sebegini dalam bahasa Melayu membuktikan keberadaan dimensi metafizika dalam makna *nyata* itu.

Al-Attas, dalam beberapa karya beliau antaranya *Islam and Secularism* (2002) dan *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam* (2007), turut menyentuh mengenai tatacara penterjemahan begini. Ketika membahaskan perihal makna dan etimologi kata sekular, al-Attas mengkritik ilmuwan Arab yang menterjemahkannya kepada *'ilmaniyyah* dan *'almaniyyah* serta *'alamaniyyah*. Hal ini dibiarkan berleluasa boleh menyebabkan timbul kekeliruan terhadap makna aslinya. Lebih-lebih lagi terjemahannya menggunakan kata akar *'ilm* untuk *'ilmaniyyah* yang secara tidak langsung mengaitkan kata sekular dengan ilmu yang berhubungan dengan nama-nama Allah yang sempurna. Kemunculan tiga kata Arab yang digunakan bagi merujuk kepada sekular membuktikan bahawa sekular memang tidak ada padanan dengan pengalaman Islam. Justeru, yang sebetulnya, al-Attas melanjutkan, kata sekular perlu dikekalkan, dan hanya disesuaikan aspek tatabunyi sahaja, iaitu kepada kata *sirkulariyyah*. Hal inilah yang patut dilakukan agar dimensi maknawi dan sejarawi kata itu kekal bagi mengelakkan timbul sebarang kekeliruan. Jikalau memerlukan penterjemahan juga, maka perlu dijejaki perkataan yang berdaya menyangkan maksa asali kata sekular. Oleh sebab itulah al-Attas (2007) pun hanya mencadangkan bahawa kata sekular diterjemahkan bukan kepada padanan perkataan tetapi padanan frasa, iaitu *kedisinikinian*, gabungan kata *di sini* (yakni di dunia ini) dan *kini* (yakni pada ketika ini) yang diapit oleh imbuhan *ke...an*.

Terjemahan yang dilakukan oleh Shaharir ternyata tidak bersalahan dengan kaedah umum yang menjadi pedoman dalam amalan penterjemahan tetapi ia harus difahami dalam konteks pemeribumian ilmu. Pada masa ini boleh dikatakan pertembungan keilmuan adalah antara warisan keilmuan Barat dengan warisan keilmuan peribumi. Warisan keilmuan Barat lazimnya dipadankan dengan isme-isme yang begitu mendominasi dunia hampir dalam semua lapangan. Warisan keilmuan peribumi pula terbatas hanya dalam ruang dan masa yang dilingkungi para anggota masyarakatnya. Dalam pertembungan yang tidak sama rata ini, bagaimanakah warisan keilmuan peribumi bertindak balas? Adakah semata-mata tunduk dan patuh membuta tulis kepada warisan keilmuan Barat yang sememangnya tidak cocok dengan sistem nilai mereka? Sudah barang tentunya tidak demikian, sebaliknya Barat dan peribumi harus berdialog agar warisan keilmuan yang dimiliki oleh masing-masingnya itu saling menginovasikan.

Lalu, bagaimanakah untuk memastikan berlakunya dialog keilmuan yang dimaksudkan? Tentunya melalui penjanaan istilah keilmuan kontemporari dalam bahasa peribumi yang dimensi maknawinya pasti berbeza dengan makna istilah asalnya. Akhirnya makna yang dijelmakan istilah bahasa peribumi itu berupaya melancarkan kritikan terhadap ilmu sedia ada. Di sinilah signifikannya cara penterjemahan istilah yang dilakukan oleh Shaharir. Dengan mencari padanan istilah ilmu kontemporari dalam bahasa sendiri tanpa meminjam istilah berkenaan, hal ini membolehkan kedua-dua istilah berdialog, lalu menginovasikan ilmu sedia ada.

### Perkamusan

Selain terlibat secara langsung dalam jawatankuasa penciptaan istilah bahasa Melayu untuk bidang sains dan teknologi, Shaharir turut menjengah ke wilayah leksikografi, iaitu suatu bidang ilmu bahasa yang berkaitan dengan perkamusan. Terkait dengan wilayah keilmuan ini, beliau telah menyusun sebuah kamus bahasa Khmer purba. Kamus ini berjudul *Kamus Bahasa Inggeris-Khmer Purba* (Shaharir, t.t.). Ia disusun berpandukan tiga sumber utama, iaitu *Dictionnaire Vieux Khmer-Francais-Angli* oleh Pou, *An Old Khmer-French-English Dictionary*, dan *Centre de Documentaion et de Recherche La Civilisation Khmere*. Penggelintaran terhadap maklumat yang terkandung kamus-kamus inilah yang membolehkan Shaharir mengeluarkan banyak perkataan yang memiliki persamaan dengan bahasa Melayu.

Kamus bahasa Khmer purba yang disusun oleh Shaharir ini sangat menarik jika ditinjau dari segi linguistik khususnya yang melibatkan aspek paradigma morfologi. Dalam hal ini terdapat beberapa perkara yang menjadikan paradigma morfologi bahasa Khmer purba yang patut dihidupkan semula kerana sifat lenturnya. Pertama, pemaparan mengenai kewujudan penambah *a* yang berperanan sebagai penanda negatif kepada makna kata dasar. Contohnya, *bahagia*, yang bermakna rasa hati yang gembira, namun jika ditambah penambah *a* di hadapannya bagi membentuk *a+bahagia* atau *abahagia*, maka maknanya berubah menjadi sebaliknya, iaitu nasib malang atau tiada nasib langsung. Selain itu, kelebihan kamus ini juga terletak pada maklumat etimologi. Hal ini pastinya sangat berbeza dengan *Kamus Dewan* atau *Kamus Dewan Perdana* yang miskin maklumat etimologi. Dalam kamus susunan Shaharir ini, sumber etimologi utama ialah bahasa Sanskrit dan juga dialek-dialek di Malayonesia. Contohnya perkataan *aniyanya* yang bersumberkan *a+nyanya* daripada bahasa Sanskrit atau *bejana* juga dianggap berasal daripada Sanskrit *bhajana*.

Ada persoalan lain yang muncul apabila kamus yang dikumpulkan oleh Shaharir ini diteliti lanjut, yakni adakah pemilihan masukan perkataannya menunjukkan bahasa Melayu memiliki hubungan dengan rapat dengan bahasa Khmer? Ramai ahli linguistik berpendapat bahawa kedua-dua bahasa ini bukanlah berasal daripada keluarga bahasa yang sama. Bahasa Melayu lahir dalam keluarga bahasa Austronesia, manakala bahasa Khmer merupakan zuriat yang dilahirkan dalam keluarga bahasa Austro-Asiatik. Oleh sebab itulah tidak mungkin kedua-dua bahasa ini memiliki hubungan struktural yang rapat. Hubungan yang tersingkap secara tidak langsung melalui masukan dan analisis kamus Shaharir ini yang menunjukkan keakraban kedua-duanya adalah disebabkan faktor peminjaman, yakni kedua-dua bahasa banyak meminjam daripada bahasa Sanskrit.

### Penerokaan Wilayah Penyelidikan Baharu

Sumbangan keserjanaan Shaharir yang sebenarnya ialah apabila beliau berjaya menguak tirai yang menghamparkan saujana wilayah penyelidikan yang baharu; bukan sahaja baharu, tetapi mempunyai potensi untuk dikembangkan dengan lebih teoretis dan praktis. Wilayah ini pula mampu menghadirkan sesuatu yang lebih bermakna kepada pemerikasaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan sebagai acuan pembangunan ilmu watan.

Wilayah baharu yang perlu dipaparkan mula-mula sekali ialah penyelidikan mantik/lojik dalam bahasa Melayu. Terkait dengan hal ini sememangnya merupakan sesuatu yang tidak dapat menafikan bahawa beliau adalah pemula kepada penyelidikan etnomantik bahasa Melayu. Shaharir buat pertama kalinya menyembulkan unsur mantik bahasa Melayu menerusi kajian beliau terhadap *Hikayat Raja Pasai* (Shaharir, 2006, 2011) dan terhadap manuskrip yang dianggap karangan Nuruddin al-Raniri (Shaharir, 2009c). Usaha ini kemudiannya dilanjutkan pula kepada penyembulan unsur mantik yang terdapat dalam bahasa Melayu purba melalui pengeledahan terhadap prasasti Sriwijaya abad ke-4 M

hingga abad ke-7 M (Shaharir, 2011, 2021b). Yang lebih asasi dan lebih membuka ruang penyelidikan lebih canggih ialah rumusan beliau dalam buku *Cabaran Mantik kepada Muslim* (Shaharir, 2019).

Penyelidikan Shaharir ini telah membuktikan kewujudan unsur mantik dalam bahasa Melayu sejak awal lagi, justeru menunjukkan bahasa ini memang memiliki keupayaan menjadi bahasa ilmu. Maklumat daripada prasasti yang dipahat sejak abad ke-4 M hingga abad ke-7 M misalnya telah memanfaatkan penggunaan pernyataan (proposisi) yang berimplikasi *jika...*, *maka...* selain penggunaan pengendali mantik seperti negasi, disjungsi, konjungsi dan pengkuantitian wujud dan semesta. Penemuan ini secara tidak langsung memberikan penegasan kepada bahasa Melayu: bahawasanya bahasa ini memang layak untuk dijadikan bahasa ilmu kerana telah sempurna unsur mantiknya.

Dalam makalah yang menganalisis lanjut kandungan *Hikayat Raja Pasai* (Shaharir, 2011), Shaharir menggunakan tatakaedah kebahasaan dalam usaha beliau menentukan usia hikayat tersebut. Perbandingan perkataan dan struktur nahu yang digunakan dalam *Hikayat Raja Pasai* dilakukan dengan hikayat-hikayat lain. Hasilnya beliau tiba pada kesimpulan yang meneguhkan pendirian bahawa *Hikayat Raja Pasai* ditulis sebelum abad ke-17 lebih awal daripada *Sulalatus al-Salatin*. Tatacara yang menekankan analisis linguistik dalam merungkai peristiwa sejarah perlulah dikembangkan sebagai salah satu tatakaedah yang berguna. Bukan sahaja Shaharir, hal ini juga turut diakui dan diterapkan oleh al-Attas (2011) dalam usaha beliau menafsir ulang asal usul perkataan *Sumatera*. Begitu juga dengan Ahmat Adam (2017, 2018). Hasil penerapan analisis linguistik berdaya menghadirkan teori baharu mengenai batu bersurat Terengganu, selain menampilkan pembacaan semula *Sulalatus Salatin* dan *Hikayat Hang Tuha* yang berbeza dengan pembacaan sedia ada.

Satu lagi wilayah penyelidikan baharu yang diterokai ialah penyelidikan falsafah bahasa Melayu. Hakikatnya ialah falsafah bahasa merupakan cabang ilmu yang sangat tua. Dibuktikan bahawa perbincangan mengenainya sudah ada dalam semua tamadun sejak sebelum masihi lagi. Kemungkinan keberadaannya termasuklah dalam tamadun Malayonesia, walaupun hal ini masih bertaraf dugaan ekoran kegagalan kita menemui sebarang karangan mengenainya. Karangan kontemporari yang mengandungi tema falsafah bahasa pula lebih menekankan aspek sejarah idea (Hashim Musa, 2006). Maka, kandungannya lebih terarah kepada merungkai isu penggunaan bahasa Melayu dalam menjelaskan perihal falsafah dan metafizik, bukannya merungkai permasalahan bahasa Melayu menurut kerangka falsafah bahasa yang berhubung pada pemerian perihal kebenaran, makna, moraliti, hubungan bahasa dengan pemikiran dan sebagainya (Devitt & Sterelny, 1999).

Wilayah penyelidikan falsafah bahasa Melayu dibuka oleh Shaharir khususnya dalam karangan beliau mengenai pemikiran Hassan Ahmad (Shaharir, 2021a) dan dalam syarahan yang beliau sampaikan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (Shaharir, 2021b; diterbitkan sebagai Shaharir, 2022). Dua wilayah yang dirintis ialah (i) mengenai hubungan bahasa dengan pandangan dunia menurut jalur Herder-Humboldt-Hamann, atau menurut jalur teori 'HHH' kalau diungkap menggunakan istilah Taylor (2016), dan (ii) keutamaan bahasa lisan ketimbang tulisan justeru menuntut kita menoleh secara kritis kepada warisan *Cratylus* Plato, Ferdinand de Saussure dan Derrida. Wilayah inilah yang cuba dilewati oleh kumpulan falsafah bahasa Melayu yang bernaung di bawah Persatuan Pendidikan Falsafah dan Pemikiran Malaysia (PPRPM) yang dibentuk pada awal tahun 2022, dan wacananya masih berlangsung hingga buku ini diterbitkan. Pencapaiannya? Masih terlalu jauh untuk dinilai. Kita tunggu dan lihat sahaja.

Pembukaan wilayah penyelidikan baharu seperti yang dibincangkan ini membuka peluang kepada para ilmuwan di Malaysia dan para ilmuwan yang bertutur dalam bahasa Melayu untuk mengembangkannya dalam usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Sememangnya diakui bahawa untuk menjadi bahasa ilmu, sesuatu bahasa tidak boleh semata-mata bergantung kepada kerja-kerja pempiawaan, walaupun hal ini juga sangat penting – jika tidak penting, maka sia-sialah usaha DBP (Malaysia dan Brunei) dan Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa (Indonesia). Akan tetapi, sesuatu bahasa akan naik harkatnya menjadi bahasa ilmu apabila bahasa berkenaan kukuh dari segi struktur mantik/lojiknya, selain berupaya pula menjadi alat analisis yang bitara bagi merungkaikan dan membahaskan isu-isu yang terdapat dalam bidang keilmuan yang lain.

## PASCAWACANA

Hasrat asal makalah ini hanyalah sekadar pembuka gelanggang atau pemula kepada sesuatu yang lebih besar dan lebih bersifat inti tentang cakupan pemikiran Shaharir. Maka itulah tumpuannya banyak berlegar seputar latar belakang yang membentuk kecendekiawanan beliau. Namun begitu, disebabkan persoalan bahasa menduduki tempat yang istimewa dalam kesedaran keintelektualan beliau, maka tulisan ini mengalih tumpuannya daripada membicarakan perihal latar belakang sepenuhnya kepada perkaitan latar belakang tersebut dengan pembentukan kecaknaan beliau terhadap bahasa.

Perbincangan yang diutarakan dalam makalah ini jelas menunjukkan keberadaan suatu fakta, bahawa untuk mengikuti alur fikiran Shaharir dengan seakrab yang mungkin, maka persoalan bahasa Melayu tidak sesekali boleh diabaikan. Jika kita mengabaikannya, maka kita telah menafikan elemen paling sentral yang menelurkan pemikiran dan acuan keilmuan yang beliau hayati dengan tekak sejak dahulu sehingga kini. Daripada penghayatan inilah beliau membina keyakinan dan aktivisme, sama ada dalam bidang keilmuan ataupun dalam menggerakkan kumpulan pendesak menerusi badan-badan bukan kerajaan bagi menentang kebijakan pemerintah yang meraban hujang-pangkalnya selain tuli terhadap keutamaan bahasa, kebudayaan dan sejarah.

Maka, bahagian pascawacana ini perlu ditutup dengan satu pertanyaan: apakah yang dapat kita pelajari daripada Shaharir? Sebenarnya, terlalu banyak yang kita pelajari. Benar sekali, terlalu banyak yang boleh kita pelajari daripada sosok ini. Untuk penulis, sosok Shaharir adalah takrifan kepada kesungguhan, kesetiaan dan yakin diri justeru bebas daripada belunggu watak tertawan. Akan tetapi, yang paling kekal dalam ingatan penulis ialah sikap rendah diri yang dimilikinya. Dengan sikap ini beliau sentiasa berasa senang melayan sesiapa sahaja yang dahagakan pedoman keilmuan. Ya, sesiapa sahaja, termasuk penulis.

## RUJUKAN

- Ahmat Adam. (2017). *Batu Bersurat Terengganu: Betulkah Apa yang Dibaca Selama Ini?* Petaling Jaya: SIRD.
- Ahmat Adam. (2018). *Hikayat Hang Tuha*. Petaling Jaya: SIRD.
- Bynon, T. (1994). *Linguistik Sejarah*. Terj. bahasa Melayu oleh Noor Ein Mohd. Nor. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. (2018). *Mukadimah Ilmu Etimologi* (Edisi kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Devitt, M. & Sterelny, K. (1999). *Language and Reality: An Introduction to the Philosophy of Language*. Massachusetts: MIT Press.
- Einstein, A. (2010). Karya Tentang Relativiti Khas. Terj. Shaharir Mohamad Zain. *Jurnal Terjemahan ATMA* (1): 71-102.
- Hashim Musa. (2006). *Pengantar Falsafah Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Heidegger, M. (1982). *On the way to language*. London: HarperOne.
- Gonda, J. 1973. *Sanskrit in Indonesia*. Delhi: International Academy of Indian Culture.
- Koerner, E. F. K. (1989). *Practicing linguistic historiography*. Amsterdam: John Benjamins.
- Lakatos, I. (2003). *Pemalsuan dan tatakaedah aturcara penyelidikan sains*. Terj. bahasa Melayu oleh Shaharir b.M.Z. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*. (2004). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Philipson, R. (1992). *Linguistic imperialism*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Seyyed Hossein Nasr. (2009). *Pengenalan doktrin kosmologi Islam*. Terj. bahasa Melayu oleh Baruddin Ahmad & Osman Bakar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaharir, b.M.Z. (pnyt.). (2015). *Unsur etnosains Malayonesia dalam bahasa Melayu sejak abad ke-5 masihi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaharir, b.M.Z. (1990). *Simbiosis antara sistem nilai dengan tabii matematik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shaharir, b.M.Z. (2004). Pembinaan sains Melayu. Dlm. Anwar Omar Din (Pnyt.), *Dinamika Bangsa Melayu Menongkah Arus Globalisasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shaharir, b.M.Z. (2006). Ulasan Hikayat Raja Pasai. *Jawhar* (3): 1-17.
- Shaharir, b.M.Z. (2009a). *Pembawaan dan penyerlahan jiwa kemanusiaan yang berbeza mengikut penghayatan bahasa dalam sains matematik*. Makalah yang dibentangkan di Seminar Ulang Tahun INSPERM pada 12 Mei 2009, INSPERM, UPM.
- Shaharir, b.M.Z. (2009b). Bahasa jiwa ilmu: kes teori kenisbian dalam fizik teori. *Sari* (27): 143-165.

- Shaharir, b.M.Z. (2009c). *Mantik Melayu separuh pertama abad ke-17 m menerusi manuskrip mantik Melayu-Jawi yang tertua setakat ini: manuskrip Nur al-Dyn al-Ranyry*. Makalah yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Etnomatematik III pada 18 November 2009 anjuran ASASI-INSPEM di UPM.
- Shaharir, b.M.Z. (2010a). *Pembinaan semula teori kepemimpinan dan kepengurusan rumpun Melayu*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Shaharir, b.M.Z. (2010b). *Tiga dasawarsa pengalaman penyembulan etnosains matematik rumpun Melayu*. Makalah undangan yang disampaikan di Seminar Etnomatematik UNRI-ASASI di Universitas Riau.
- Shaharir, b.M.Z. (2010c). *Kritikan teori kenisbian dan teori kuantum*. Kuala Lumpur: Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI).
- Shaharir, b.M.Z. (2011). *Mantik Melayu pra-Islam berasaskan bahasanya di prasasti*. Makalah yang dibentangkan di Seminar Bahasa Melayu Klasik dan Kuno anjuran ASASI-PBKMM di Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shaharir, b.M.Z. (2015). Pak Samad - Seorang Tokoh Pejuang Bahasa Melayu yang Bitara. Dalam Dinsman dan Kassim Muhammad (Pnyt.), *Nurani: Kata Luhur Sahabatmu*. Shah Alam: Paksi.
- Shaharir, b.M.Z. (2016). *Terukirnya bahasa Melayu dalam sains dan matematik Malayonesia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Shaharir, b.M.Z. (2019). *Cabaran mantik kepada muslim*. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban.
- Shaharir, b.M.Z. (2021a). *Falsafah bahasa Hassan Ahmad*. Makalah yang disampaikan dalam Webinar Pemikiran Dato' Dr. Hassan Ahmad, anjuran PPAS-PPFPM pada 26 Julai 2021.
- Shaharir, b.M.Z. (2021b). *Beberapa isu pemeribumian linguistik bahasa Melayu*. Makalah yang disampaikan dalam Bicara di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM, pada 26 Oktober 2021.
- Shaharir, b.M.Z. (2022). Beberapa Isu Pemeribumian Linguistik Bahasa Melayu. *Rentas*, 1(1), 1-49. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.1>
- Shaharir, b.M.Z. (2023). Bahasa Melayu Juga Sumber Ilmu. *Pendeta*, 14(1), 1-22. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.fa.1.2023>
- Shaharir Mohamad Zain. t.t. *Kamus bahasa Inggeris-Khmer Purba (Funan?)*. Manuskrip.
- Shaharir Mohamad Zain. t.t. *Malangnya nasib bahasa melayu sebagai bahasa sains dan matematik: bala yang perlu dikendala*. Manuskrip.
- Steiner, George. (1991). *Heidegger*. Chicago: University of Chicago Press.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2002). *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2007). *Tinjauan ringkas peri ilmu dan pandangan alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2011). *Historical fact and fiction*. Kuala Lumpur: UTM Press.
- Taylor, C. (2016). *The language animal*. Harvard: Harvard University Press.
- Wilder, R.L. (2010). *Matematik suatu budaya*. Terj. bahasa Melayu oleh Shaharir b.M.Z. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sumber internet

<http://shaharirbmz.blogspot.com/>